

169

Rundingan sedang
diadakan dgn
K'terian2 berkenaan

SISTEM DAFTAR PELAJAR DISUSUN

Oleh NORDIN MOHAMED

BH 11 OKT 1975

KUALA LUMPUR, Rabu. - Kementerian Pelajaran sedang menyusun sistem bagi mendaftarkan penuntut - penuntut yang akan melanjutkan pelajaran ke seberang laut.

Menteri berkenaan, Dr. Mahathir Mohamad berkata, untuk tujuan itu, pihaknya telah mengadakan rundingan kementerian - kementerian berkenaan bagi menyelaraskan soal ini.

Katanya lagi, cara pendaftaran itu perlu diselaraskan dan ditadbirkan dengan baik supaya tidak menimbul kesusahan dan menjadi masalah kepada ibubapa.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa pendaftaran itu diadakan bukan bertujuan menahan para pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran keluar negeri.

Langkah itu diadakan, tambahnya, bagi pengetahuan lebih lanjut pihak kementeriannya mengenai sebarang perkara berhubung dengan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri.

"Dengan adanya pendaftaran ini, senang untuk pihaknya bertindak sekiranya timbul sebarang masalah, ataupun pertanyaan dari mana-mana pihak di negeri ini," katanya lagi.

Menyentuh tentang moral para pelajar Malaysia di Amerika, Dr. Mahathir berkata, pihak Pusat Pelajar - pelajar Malaysia di Washington tidak boleh mengawasi semua pelajar kita di

da pelajaran agama dan sebagainya.

Menurutnya, yang menjadi masalah ialah para pelajar yang tinggal di tempat - tempat terpencil kerana di Amerika itu luas tempatnya.

"Sepatutnya diadakan kursus dakwah kepada penuntut - penuntut itu sebelum mereka pergi melanjutkan pelajaran keluar negeri," ujarinya.

Mengenal soal tempat tinggal para pelajar Malaysia di seberang laut, Dr. Mahathir memberitahu, enam buah lagi pusat pelajar akan ditubuhkan di England bagi menempatkan para pelajar.

Menurutnya lagi, terdapat kira-kira 10,000 orang pelajar Malaysia sedang belajar di negara ini sekarang.

Setengah daripada mereka, tambahnya, tinggal di Malaysia Hall di London dan Malaysia Hall di Brigstone dan setengahnya pula tinggal di hostel-hostel luar.

Menteri Pelajaran itu juga mengumumkan bahawa se-

Derma \$9,000

Beliau bercakap kepada para pemberita selepas menerima sumbangan derma \$9,000 dari Syarikat Minyak Mobil Sdn. Bhd. di kementeriannya, pagi ini.

Derma untuk Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia itu disampaikan oleh Pengarah Urusan syarikat tersebut, Encik A. L. Fergusson. Turut hadir Naib Canselor universiti itu, Tan Sri Ainuddin Wahid.

negara itu.

"Itulah sebabnya timbulnya masalah kejatuhan moral di kalangan penuntut kita di Amerika seperti bersekedudukan, katanya.

Masalah

Bagaimanapun, tambah Menteri Pelajaran itu, ada kumpulan-kumpulan pelajar Malaysia yang menumpukan kepa-

● MUKA 12 ruang 4

Kita perlu sedia sekarang: Dr. M.

★ DARI MUKA 1

buah Asrama Pelajar Wanita sedang dalam pembinaan di Cairo dan di jangka siap akhir tahun depan.

Terdapat antara 50 hingga 60 orang pelajar wanita Malaysia di negeri ini dan mereka tinggal dengan menyewa rumah pada ketika ini, katanya lagi.

Menyentuh tentang peranan Universiti Teknologi Malaysia, Dr. Mahathir berkata, universiti itu diberi tugas melatih juru-juruteknik dan juru-juruteraa dalam bidang kejuruteraan petroleum dan petrolium kimia.

Mulai tahun ini, katanya lagi, universiti itu telah memulakan kursus ijazah dan diploma dalam bidang petrolium kimia. Kursus ijazah itu mengandungi seramai 30 orang penuntut memakan masa lima tahun dan kursus diploma 30 orang penuntut selama tiga tahun sahaja.

Tegasnya, kita perlu bersedia dari sekarang mengadakan pegawai-pegawai dan tenaga-tenaga yang terlatih dalam bidang tersebut memandangkan perusahaan minyak akan menjadi satu perusahaan yang terbesar di Malaysia.